

Penyelesai isu air bersih

» Kos Teknik Penapisan Tebing Sungai murah, beri manfaat penduduk

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bharian.com.my

■ Kuala Kangsar

Teknik sistem Penapisan Tebing Sungai (RBF) yang pertama seumpamanya di negara ini dilakukan kerajaan Perak mampu menjadi penyelesaian kepada isu bekalan air bersih dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Selain kos lebih murah berbanding mendapatkan sumber air mentah secara biasa, RBF yang digunakan secara meluas di negara maju termasuk Amerika Syarikat, Belanda dan Austria itu juga dapat mempelbagaikan sumber air mentah di Perak dan negara amnya jika penggunaannya diperluaskan.

Projek pertama RBF di Perak, yang kerja tanahnya bermula kelmarin, bakal memberi manfaat kepada 20,000 rumah membabitkan kira-kira 100,000 penduduk apabila ia mula menghasilkan air bersih dalam tempoh tiga bulan lagi. Ia membabitkan kos RM8 juta.

Ia dilaksanakan di Sungai Perak berdekatan Loji Rawatan Air Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar.

usaha sama syarikat Korea Selatan, Da Joo (M) Sdn Bhd dan anak syarikat milik penuh kerajaan negeri, Majuperak Holdings Bhd, menerusi Northern Corridor Water Resources Sdn Bhd yang menggunakan teknologi penapisan air yang sudah 25 tahun diguna pakai di Korea bagi menyalurkan sumber air bersih kepada penduduk.



Jimatkan 30 peratus kos

Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Utiliti dan Hartanah, Majuperak Holding Berhad, Abd Aziz Abd Rahim, berkata RBF itu bukan saja dapat membekalkan 25 juta

liter air sehari kepada lebih 100,000 penduduk atau 20,000 akaun pengguna, malah menjimatkan sekitar 30 peratus kos berbanding kaedah digunakan di loji rawatan menggunakan kaedah biasa.

Hasil air dari sistem RBF lebih bersih dan jernih malah dapat mempelbagaikan lagi sumber air mentah di Perak dan negara amnya, jika penggunaannya diperluaskan.

RBF membabitkan penyediaan telaga yang akan membekalkan air bawah tanah dari sungai tetapi bersih melalui proses tapisan semula jadi di bahagian dasar dan tebingnya. Ciri inilah yang membolehkan kos rawatan air dapat dikurangkan.



Malah, melalui sistem itu, pengalihan telaga sedalam hanya 15 meter dan enam meter lebar memadai bagi mendapatkan sumber air berkenaan yang dapat disalurkan ke loji untuk dibekalkan kepada ramai pengguna.

Projek itu akan diperluaskan kemudian ke beberapa daerah lain seperti Larut, Matang dan Selama

serta Kerian yang diyakini mampu menyelesaikan masalah bekalan air Perak bagi dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir melancarkan projek berkenaan pada 9 Februari lalu manakala perasmian majlis mula kerja telaga penapisan loji terabit disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan Air negeri, Datuk Ramly Zahari, kelmarin.

Kerja pembinaan loji itu membabitkan dua fasa iaitu RM4.4 juta untuk fasa pertama dan RM3.6 juta, fasa kedua. Projek itu dijangka siap sepenuhnya sebelum Mei 2013.

“ RBF menjimatkan sekitar 30 peratus kos berbanding kaedah digunakan di loji rawatan menggunakan kaedah biasa”


Abd Aziz Abd Rahim,
Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Utiliti dan Hartanah, Majuperak Holdings Berhad

B/H 26/9/12 6



Projek berkenaan adalah hasil

Jarak telaga ke
tebing antara
20-200 meter



INFO

Projek RBF di Loji Rawatan Air Kota Lama Kiri

● Mempunyai 'telaga mendatar' membolehkan pemasangan 10 injap (saluran paip) yang setiap satu berukuran 40 hingga 60

meter panjang.
● 'Telaga menegak' iaitu loji takungan 'Caisson' berukuran enam meter lebar dan 15 meter dalam.


B/H 26/9/12 7.



▶ 25
JUTA LITER
air sehari

▶ 100,000
PENGGUNA
mendapat manfaat

▶ 20,000
RUMAH
terima bekalan



▶ RM8 JUTA
kos loji RBF

▶ RM4.4
JUTA
kos fasa pertama

▶ RM3.6
JUTA
kos fasa kedua

Telaga yang digali berdekatan sungai dengan hujung bawah tanahnya mempunyai jejari paip.

[FOTO L MANIMARAN/BH]

B/H 26/9/12 7




Telaga yang digali berdekatan sungai dengan hujung bawah tanahnya mempunyai jejari paip. [FOTO L MANIMARAN/BH]

▶ 25
JUTA LITER
air sehari

▶ 100,000
PENGGUNA
mendapat manfaat

▶ 20,000
RUMAH
terima bekalan



▶ RM8 JUTA
kos loji RBF

▶ RM4.4
JUTA
kos fasa pertama

▶ RM3.6
JUTA
kos fasa kedua

▶ 30
PERATUS
kos rawatan air
dapat dikurangkan

© Sistem digunakan untuk menaik taraf sistem pembekalan dan penapisan air di Perak khususnya dan Malaysia amnya.

© Teknologi sesuai dengan iklim di Malaysia dan sudah 25 tahun diguna pakai di kebanyakan sungai di Korea dan di negara maju.